

From: Jabatan Pendaftar
Sent: Monday, September 11, 2017 10:53 PM
To: UUM - All Staff
Subject: CUTI KELEPASAN AM BAGI MENGHORMATI KEMANGKATAN ALMARHUM KDYMM TUANKU SULTAN KEDAH DAN PENYEDIAAN BAS UUM UNTUK BERZIARAH KE ISTANA ANAK BUKIT



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

11 SEPTEMBER 2017
20 ZULHIJJAD 1438H

**CUTI KELEPASAN AM BAGI MENGHORMATI KEMANGKATAN ALMARHUM KDYMM
TUANKU SULTAN KEDAH DAN PENYEDIAAN BAS UUM UNTUK BERZIARAH KE ISTANA
ANAK BUKIT**

Y. Bhg. Dato/ Y. Berusaha Prof./Tuan/Puan

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera

Sepertimana yang telah Y. Bhg. Dato'/ Y. Berusaha Prof./ tuan/ puan sedia maklum, Kerajaan Negeri Kedah pada hari ini telah mengumumkan esok, **12 September 2017 (Selasa)** adalah hari cuti kelepasan am bagi seluruh Negeri Kedah sebagai menghormati kemangkatan Almarhum KDYMM Tuanku Sultan Kedah serta memberi ruang kepada semua rakyat jelata untuk menziarahi jenazah baginda di Istana Anak Bukit.

Istiadat Penghormatan Terakhir bagi orang Awam adalah bermula jam 11.00 pagi hingga 12.30 tengahari dan bagi warga UUM yang ingin menziarah, Universiti menyediakan sebuah bas yang akan mengambil penumpang (staf sahaja) dan bertolak mengikut jadual di bawah.

JAM	LOKASI
8.30 pagi	Perumahan Kakitangan
8.45 pagi	Taman Universiti
9.00 pagi	Hadapan KFC Changlun
9.30 pagi	Hentian Bas Bertentangan BSN Jitra

Etika Pakaian lelaki Islam adalah pakaian kebangsaan berwarna hitam/gelap, bersamping warna gelap serta bersongkok hitam dengan lilitan kain putih atau reben berukuran 1 hingga 1 ½ inci. Lelaki bukan Islam pula perlu memakai sut berwarna gelap dengan bertali leher hitam, berseluar panjang dan berbaju tangan panjang. Sementara itu, perempuan Islam pula hendaklah berbaju kurung atau berkain sopan dan bertudung hitam. Perempuan bukan Islam pula hendaklah berpakaian sopan.

Sekian, salam takziah dan terima kasih.
Al-Fatihah.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.